

**KESEDIAAN PENGAJAR DAN PELAJAR TERHADAP PROGRAM *KOUZA*
MEETING DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA BERANANG**

NURIMAN BIN YUSOP

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal
(Kejuruteraan Elektrik)

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

ABSTRAK

Keperluan terhadap pembangunan sikap pelajar menjadi satu perkara penting yang perlu diberi perhatian khusus sejajar dengan keperluan industri masa kini. Usaha bersepadu dalam aspek kesediaan pengajar dan pelajar untuk menjayakan program pembangunan sikap sewajarnya diberi penekanan. Oleh itu, kajian ini dilakukan bertujuan untuk menentukan tahap kesediaan pengajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengendali program *Kouza Meeting* (KM) serta menentukan kesediaan pelajar dari segi sikap untuk mengikuti program berkenaan. Selain itu, perhubungan antara pengetahuan dan kemahiran terhadap sikap pengajar juga akan dikupas. Kajian juga akan menentukan perbezaan kesediaan pelajar dari segi jantina. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data secara soal selidik menerusi skala *Likert* lima peringkat yang mana responden terdiri dari pengajar seramai 51 orang (90%) dan pelajar seramai 120 orang (76%) di Kolej Kemahiran Tinggi MARA Beranang. Data mentah dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences Version 16.0* bagi mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan peratusan. Manakala statistik inferensi menggunakan korelasi Pearson digunakan untuk menentukan perhubungan antara pengetahuan dengan sikap pengajar serta kemahiran dengan sikap pengajar. Selain itu, ujian-*t* tidak bersandar digunakan bagi menentukan perbezaan kesediaan pelajar mengikuti KM berdasarkan jantina. Hasil kajian mendapati tahap kesediaan pengajar berada pada aras tinggi (min = 3.88) sebaliknya tahap kesediaan pelajar adalah di aras sederhana (min = 3.44). Penemuan juga mendapati wujudnya perhubungan yang signifikan antara pengetahuan dan sikap pengajar ($r = .395$, $p = .004$) serta kemahiran dan sikap pengajar ($r = .371$, $p = .007$). Analisis yang dijalankan juga menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan antara kesediaan pelajar perempuan untuk mengikuti program *Kouza Meeting* berbanding pelajar lelaki ($p = .005$). Hasil kajian ini dijangka dapat membuka ruang penyelesaian untuk penambahbaikan program KM.

ABSTRACT

The need for the development of student's attitude become one important thing that should be given special attention in line with current industry needs. Concerted efforts in terms of teacher and student readiness for success of the program emphasized the development of appropriate attitudes. Therefore, this study aims to determine the readiness of teachers in terms of knowledge, skills and attitudes to operate the program *Kouza Meeting* (KM) and determine the readiness of students in terms of attitude to the program. In addition, the relationship between knowledge and skills in teaching attitude will also be discussed. The study will also determine differences in student readiness in terms of gender. This research used data collection through questionnaire which uses the five stages of the Likert scale. The respondents were from 51 instructor (90%) and 120 students (76%) from *Kolej Kemahiran Tinggi MARA Beranang*. The raw data were analyzed descriptively using the Statistical Package for Social Sciences Version 16.0 software to determine the mean, standard deviation and percentages. While the statistical inference used the Pearson correlation to determine the relationship between knowledge and attitude together with the attitude of teachers and teaching skills. In addition, independent t-test was used to determine the readiness of students to KM differences based on gender. Results showed that the readiness of teachers is at a high level (mean = 3.88) but the readiness of students is at moderate level (mean = 3.44). Findings also demonstrated that there was a significant correlation between knowledge and attitudes of teachers ($r = .395$, $p = .004$) and also teaching skills and attitudes ($r = .371$, $p = .007$). The analysis also showed there were significant differences between female students' readiness to participate in *Kouza Meeting* compared to male students ($p = .005$). The study is expected to provide an opportunity for the solutions in improving the *Kouza Meeting* program.

KANDUNGAN

	JUDUL	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI SINGKATAN	xiii
	SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	4
	1.3 Pernyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Soalan kajian	7
	1.7 Hipotesis kajian	8
	1.8 Kerangka konsep kajian	9
	1.9 Kepentingan kajian	12

1.10	Skop kajian	13
1.11	Batasan kajian	13
1.12	Definisi istilah	14
1.13	Rumusan	17
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	18
2.1	Pengenalan	18
2.2	Keperluan kepada bidang elektrik dan elektronik di Malaysia	19
2.3	Kolej Kemahiran Tinggi MARA Beranang	21
2.4	Kesedaran kumpulan dalam masyarakat Jepun melalui konsep <i>sempai-kohai</i>	23
2.4.1	Sistem <i>Kouza</i>	24
2.4.2	Perlaksanaan Sistem <i>Kouza Meeting</i> di KKTMB Beranang	25
2.5	Kepentingan pendidikan yang berkualiti	26
2.5.1	Kesediaan psikomotor	29
2.5.2	Kesediaan kognitif	34
2.5.3	Kesediaan afektif	37
2.6	Rumusan	44
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	45
3.1	Pengenalan	45
3.2	Reka bentuk kajian	46
3.3	Kerangka operasi	46
3.4	Populasi dan sampel kajian	48
3.5	Instrumen kajian	49
3.6	Borang soal selidik	49

3.6.1	Set soal selidik untuk pengajar	50
3.6.2	Set soal selidik untuk pelajar	51
3.6.3	Kesahan	52
3.6.4	Kebolehpercayaan	52
3.7	Kajian rintis	53
3.8	Kaedah pengumpulan	54
3.9	Pentadbiran soal selidik	54
3.10	Penganalisan data	55
3.11	Rumusan	57
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	58
4.1	Pengenalan	58
4.2	Maklumat responden	59
4.2.1	Demografi pengajar	59
4.2.2	Demografi pelajar	61
4.3	Analisis kesediaan pengajar	63
4.3.1	Kesediaan pengajar dari segi pengetahuan	64
4.3.2	Kesediaan pengajar dari segi kemahiran	67
4.3.3	Kesediaan pengajar dari segi sikap	69
4.4	Analisis kesediaan pelajar dari segi sikap	71
4.5	Analisis perhubungan tahap kesediaan dari segi pengetahuan dan kemahiran terhadap sikap pengajar	75
4.6	Analisis perbezaan tahap kesediaan pelajar mengikuti program KM berdasarkan jantina	76
4.7	Rumusan	77

BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	78
5.1	Pengenalan	78
5.2	Perbincangan dan kesimpulan	78
5.2.1	Tahap kesediaan pengajar untuk mengendalikan program KM	79
5.2.1.1	Kesediaan pengajar dari segi pengetahuan	80
5.2.1.2	Kesediaan pengajar dari segi kemahiran	83
5.2.1.3	Kesediaan pengajar dari segi sikap	86
5.2.2	Tahap kesediaan pelajar dari segi sikap untuk mengikuti program KM	89
5.2.3	Perhubungan kesediaan pengajar dari segi pengetahuan dan kemahiran terhadap sikap pengajar untuk mengendalikan program KM	92
5.2.4	Perbezaan tahap kesediaan pelajar mengikuti program KM berdasarkan jantina	94
5.3	Cadangan	97
5.3.1	Cadangan terhadap kajian	97
5.3.2	Cadangan kajian lanjutan	98
5.4	Penutup	98
	RUJUKAN	101
	LAMPIRAN	108
	VITA	167

SENARAI JADUAL

2.1	Agihan jam pertemuan bagi setiap bahagian modul Kouza Meeting	25
3.1	Populasi dan sampel kajian	48
3.2	Skala <i>Likert</i> dan tafsiran skor	49
3.3	Bilangan item mengikut aspek kajian untuk pengajar	50
3.4	Bilangan item mengikut aspek kajian untuk pelajar	51
3.5	Nilai Alpha Cronbach melalui kajian rintis	53
3.6	Pembahagian interpretasi skor min	55
3.7	Kekuatan nilai pekali korelasi	56
3.8	Kaedah penganalisan data	57
4.1	Analisis demografi pengajar	60
4.2	Analisis demografi pelajar	62
4.3	Skor min untuk dimensi tahap kesediaan pengajar	63
4.4	Skor min untuk setiap aspek kesediaan pengajar yang dikaji	64
4.5	Analisis item dalam dimensi pengetahuan pengajar	66
4.6	Analisis item dalam dimensi kemahiran pengajar	68
4.7	Analisis item dalam dimensi sikap pengajar	70
4.8	Skor min untuk setiap aspek kesediaan sikap pelajar yang dikaji	71
4.9	Analisis item dalam aspek minat pelajar	73
4.10	Analisis item dalam aspek kecenderungan pelajar	74
4.11	Analisis korelasi Pearson antara pengetahuan dan kemahiran pengajar terhadap sikap pengajar	75
4.12	Analisis perbezaan antara tahap kesediaan pelajar berdasarkan jantina	76

SENARAI RAJAH

1.1	Keupayaan kritikal atau pencapaian yang diperlukan oleh industri	2
1.2	Kerangka konsep kajian	9
1.3	Penerangan kerangka konsep kajian	11
3.1	Kerangka operasi	47

SENARAI SINGKATAN

BKT	-	Bahagian Kemahiran & Teknikal MARA
E&E	-	Elektrik dan Elektronik
IKM	-	Institut Kemahiran MARA
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KKTM	-	Kolej Kemahiran Tinggi MARA
KG	-	<i>Kouza Group</i>
KH	-	<i>Kouza Head</i>
KM	-	<i>Kouza Meeting</i>
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MPPB	-	Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
Program KM	-	Program <i>Kouza Meeting</i>
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
RMK10	-	Rancangan Malaysia Kesepuluh
SKH	-	<i>Sub Kouza Head</i>

SENARAI LAMPIRAN

A	Maklumat kajian awalan	108
B	Struktur organisasi <i>Kouza Group</i> di KKTMB Beranang	113
C	Jadual Krejcie & Morgan , 1970	114
D	Set soalselidik untuk pengajar	115
E	Set soalselidik untuk pelajar	120
F	Borang maklumat pengesahan pakar	124
G	Output hasil kajian rintis	130
H	Surat-surat berkaitan pentadbiran soal selidik	135
I	Output kajian sebenar untuk pengajar	139
J	Output kajian sebenar untuk pelajar	153
K	Output analisis SPSS	164
L	Perancangan carta Gantt Projek Sarjana 2	166

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini memadai dari segi skop dan kualitinya untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik)”

Tandatangan :

Nama Penyelia : ASHARI BIN SIKOR

Tarikh :

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENGESAHAN STATUS LAPORAN PROJEK SARJANA

KESEDIAAN PENGAJAR DAN PELAJAR TERHADAP PROGRAM *KOUZA MEETING* DI KOLEJ KEMAHIRAN TINGGI MARA BERANANG

SESI PENGAJIAN : 2011/2012

Saya, **NURIMAN BIN YUSOP** mengaku membenarkan Laporan Projek Sarjana ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Laporan Projek Sarjana adalah hak milik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (v)



SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:

ASHARI BIN SIKOR

NO: 37, JALAN TPS 1/13,
TAMAN PELANGI SEMENYIH
43500 SEMENYIH,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tarikh : _____

Tarikh: _____

CATATAN:

- ** Jika Laporan Projek Sarjana ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.

BAB 1


PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkembangan pesat sektor industri di Malaysia kini telah menyebabkan permintaan tenaga kerja meningkat dengan mendadak. Permintaan terhadap tenaga kerja yang berkualiti telah menjadi satu keperluan utama untuk menjana keuntungan kepada industri seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Dalam sektor perindustrian masa kini, organisasi atau majikan memerlukan pekerja yang beretika kerja yang tinggi. Ini disebabkan cara bekerja dalam era baru sudah jauh berubah dan berbeza dengan cara kerja masa lalu. Pada masa dahulu pekerja hanya tahu bekerja mengikut kemahiran yang dimiliki dan menunggu perintah daripada pegawai atasan. Dalam suasana kerja masa sekarang, pekerja perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran melakukan kerja secara serentak (*multi tasking*). Pada masa sama mereka dituntut untuk membuat pertimbangan dan mengambil keputusan sendiri, menentukan jadual kerja sendiri, bekerja dibawah penyeliaan yang minimum, dan sentiasa bersedia menghadapi berbagai-bagai perubahan dan penginovasian dalam organisasi (Abd Rashid, Hussin & Othman, 2006).

Tidak dapat dinafikan bahawa disiplin kerja yang tinggi ditambah dengan sistem pengurusan kualiti yang diamalkan oleh syarikat Jepun menjadi antara penyebab utama penguasaan negara Jepun dalam bidang Elektrik & Elektronik

(E&E). Industri E&E Jepun merupakan salah sebuah industri yang terbesar dan paling dinamik di dunia. Sehingga kini lebih dari 700 buah syarikat Jepun telah ditubuhkan di Malaysia dengan 400 buah daripadanya adalah dalam bidang pembuatan semikonduktor dan produk berasaskan elektronik. Syarikat – syarikat dari Negara Barat menyedari tentang kepentingan mengamalkan budaya kerja Jepun dalam organisasi mereka dan secara tidak langsung mereka telah dipaksa untuk menerima budaya pengurusan kualiti masyarakat Jepun. Oleh kerana itu, adalah penting untuk menguasai dan memiliki disiplin kerja yang tinggi yang dipelopori oleh orang Jepun. Kertas dasar yang dikeluarkan oleh syarikat perunding yang dilantik oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah memetik laporan yang dikeluarkan oleh *Japan Federation of Economic Organization* (2004) yang menyebut tentang keperluan tenaga kerja yang memiliki kemahiran komunikasi, pro-aktif, semangat kerja berpasukan dan sebagainya. Keupayaan kritikal yang diperlukan oleh industri Jepun di Malaysia ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Keupayaan kritikal atau pencapaian yang diperlukan oleh industri (JFEO,2004)

Keupayaan kritikal atau ciri-ciri *softskill* yang dikehendaki oleh industri ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang penting untuk diterapkan ke dalam kurikulum latihan. Dunia pendidikan kini telah mengalami pelbagai perubahan di mana satu ledakan ilmu yang bukan sahaja perlu dipelajari malah perlu dikuasai. Ia menjadi satu kemestian untuk melengkapkan diri seseorang pelajar agar berupaya

menghadapi keseimbangan hidup di dunia pekerjaan yang semakin mencabar. Institusi pendidikan seharusnya boleh memainkan peranan yang lebih aktif untuk menyediakan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan industri. Latihan yang diberikan, tidak sekadar untuk melahirkan tenaga kerja yang memiliki kemahiran teknikal tetapi juga mampu menguasai keupayaan kritikal mengikut standard yang diperlukan dan memenuhi kehendak industri supaya pelajar-pelajar yang akan menempuh alam pekerjaan sentiasa bersedia menjalankan tugas yang diberikan mengikut keperluan majikan (Quek, 2005).

Keupayaan pelajar untuk memenuhi kehendak pekerjaan bergantung kepada banyak faktor. Kualiti pendidikan dan latihan yang diterima di institusi pendidikan merupakan antara faktor terpenting dimana jika seseorang individu menerima latihan yang setara dengan tuntutan pekerjaan, maka individu tersebut dianggap sebagai aset kepada organisasi berkenaan. Seajar dengan kepesatan pembangunan negara, peranan institusi latihan adalah sangat penting bagi membolehkan pelajar mendalami dan mengembangkan ilmu pengetahuan serta kemahiran mereka. Latihan yang diterima bukan sahaja bertujuan menggalakkan perkembangan mental pelajar bahkan juga untuk mengasah kemahiran mereka bagi memenuhi tuntutan pekerjaan profesional dan teknikal dalam kalangan golongan muda dan selanjutnya membangunkan ekonomi negara (Hussain, 2005).

Usaha kearah membangunkan tenaga kerja secara lebih bersistematik dan berkesan melalui pendidikan dan latihan kemahiran dalam pelbagai peringkat. Pendidikan teknik dan vokasional telah berubah mengikut peredaran masa dan keperluan masa kini (Abd. Rashid, 2006). Untuk itu, kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang begitu besar untuk melatih para belia yang sedang mengikuti pengajian di institusi latihan diseluruh negara. Dengan tumpuan yang besar ini, kerajaan mensasarkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan menguasai ciri-ciri *softskill* yang sememangnya amat diperlukan oleh industri. Industri telah meletakkan keperluan bagi kemahiran insaniah pada seseorang pelajar pada tahap yang sama dengan kemahiran teknikal. Oleh itu, fokus kepada kurikulum yang seimbang adalah sangat kritikal bukan sahaja dari aspek teori dan amali, bahkan juga dalam aspek kemahiran insaniah (Loose, 2001).

Pencapaian dalam aspek akademik semata-mata tidak dapat menjamin seseorang pelajar itu memperoleh pekerjaan dimana banyak lagi aspek yang dipentingkan oleh pihak majikan dan aspek ini tidak boleh dipandang ringan.

Institusi latihan kini menggalas tugas yang berat untuk sentiasa berinovasi menghasilkan kaedah dan pendekatan berkesan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan seterusnya melahirkan pelajar yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berwawasan (Yassin, 2011)

1.2 Latar belakang masalah

Sumber manusia merupakan aset terpenting pembangunan negara serta menjadi tenaga penggerak kepada perubahan masyarakat dan negara. Pembangunan sumber manusia perlu mengambil kira usaha dan strategi kearah rombakan kerjaya dan menyediakan peluang-peluang baru dalam kerjaya bagi membentuk masyarakat Malaysia yang progresif dan dinamik. Pembangunan sumber manusia perlu merintis perubahan baru menjadikan sumber manusia sebagai modal insan yang kreatif, inovatif, dinamik, berkemahiran dan berpengetahuan. Pembangunan yang pesat dan perkembangan teknologi baru memerlukan permintaan yang tinggi terhadap graduan teknikal dan vokasional yang cemerlang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik bahkan juga dari aspek sahsiah. Dalam usaha untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dan mengamalkan etika kerja yang tinggi, sistem pendidikan latihan kemahiran perlu dimantapkan lagi sejajar dengan pembangunan pesat yang berlaku dalam pelbagai bidang dimana setiap bidang memerlukan sepenuh perhatian. Adalah tepat sekali bahawa institusi latihan kemahiran perlu memberi pendedahan yang secukupnya kepada pelajar serta perlu meneroka program-program baru yang lebih meyakinkan pelajar bahawa bidang yang di pilih dapat memenuhi peluang pekerjaan yang luas dan terjamin serta diterima baik oleh industri.

Penentu kualiti pendidikan dilihat oleh masyarakat melalui penghasilan pelajar yang berkualiti. Tanggungjawab, peranan serta fungsi pengajar menjadi semakin kompleks dan untuk itu adalah menjadi satu keperluan utama kepada pengajar untuk memiliki keupayaan atau kecekapan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan. Masyarakat memandang tinggi profesion perguruan dan ini meletakkan satu bentuk situasi yang semakin mencabar. Tugas mengajar adalah satu profesion bertujuan

untuk menjadikan manusia lebih sempurna dan memperkembangkan diri manusia. Ini bermaksud bahawa seseorang pengajar itu perlu bertanggungjawab terhadap masyarakat untuk membina satu generasi pelajar yang sempurna seperti yang diharapkan oleh masyarakat dan negara.

Adalah amat penting bagi pengajar melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran secukupnya untuk membolehkan mereka memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan dapat mendidik pelajar dari segi akademik dan sahsiah. Untuk itu, pengajar perlu lebih berfikiran terbuka dalam mencari ilmu serta meningkatkan kemahiran diri. Mereka perlu lebih bersedia untuk melakukan perubahan dari segi pelaksanaan latihan itu sendiri. Perubahan yang perlu dilakukan ini sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan prestasi dan keupayaan di dalam bidang kerja yang kian mencabar. Maka dengan itu, salah satu inisiatif yang diambil untuk memastikan para pengajar berkeupayaan melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti ialah dengan meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Ini bermakna, tenaga pengajar perlu memiliki kompetensi dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam usaha melahirkan sumber manusia yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk pembangunan negara.

Dalam usaha memupuk dan mengembangkan daya intelektual sepertimana yang digariskan, pengajar haruslah menggunakan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang boleh mencetus, merangsang dan mengembangkan daya pemikiran pelajar. Ini kerana dengan pengembangan daya pemikiran pelajar maka adalah mudah untuk pengajar menyampaikan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih berkesan lagi. Selain itu sikap juga memainkan peranan penting terhadap pencapaian akademik seseorang pelajar, maka seharusnya pembentukan sikap yang dikehendaki dapat dibuat oleh institusi latihan untuk menghasilkan produk yang berkualiti tinggi. Menurut Johnston (1997), pencapaian pelajar sebenarnya dipengaruhi oleh sikap pelajar itu sendiri. Namun begitu langkah-langkah untuk mengembangkan sikap pelajar kurang diberi perhatian yang sewajarnya (Koballa dan Crawley, 1985).

Disini jelas untuk menggambarkan bahawa pengetahuan, kemahiran dan sikap pengajar sangat penting untuk memastikan kecemerlangan organisasi melalui penghasilan pelajar-pelajar yang berkualiti. Pelajar-pelajar mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap keupayaan dan kemampuan pengajar untuk menyampaikan

pengajaran yang berkesan. Namun begitu pelajar juga dituntut untuk menunjukkan sikap yang baik terhadap usaha dan komitmen pengajar dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

1.3 Penyataan masalah

Sejajar dengan matlamat untuk menghasilkan para pelajar yang mengamalkan etika kerja yang bercirikan budaya kerja Jepun, maka KKTM Beranang telah mewujudkan program *Kouza Meeting* (KM) didalam kurikulum sebagai salah satu komponen latihannya. KM merupakan satu program penerapan budaya kerja masyarakat Jepun yang melibatkan penyertaan semua pengajar dan pelajar melalui pembentukan kumpulan-kumpulan kecil dimana konsep perlaksanaannya adalah menekankan kepada suasana harmoni dan budaya saling hormat menghormati sesama ahli dalam kumpulan tersebut. Strategi pelaksanaan berdasarkan modul yang direkabentuk bagi mewujudkan perasaan kebertanggungjawaban para pelajar terhadap pembelajaran berterusan bagi subjek dan kerja-kerja makmal. Mereka juga perlu bertanggungjawab kepada aktiviti-aktiviti kajian serta pembinaan projek dalam bidang pengkhususan masing-masing untuk menghasilkan output yang cemerlang.

Namun begitu, selepas hampir dua tahun melaksanakan modul program KM, masalah utama yang dihadapi ialah kehadiran pelajar yang kurang memuaskan dalam setiap pertemuan dengan alasan bahawa aktiviti yang dijalankan adalah membosankan. Isu ini sering dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Pengurusan kolej yang menuntut suatu penyelesaian mutlak dicari bagi mengatasi masalah ini. Lanjutan itu, Jawatankuasa Akademik telah melakukan kajian awalan terhadap semua *Kouza Head* (KH) seperti di **LAMPIRAN A**. Hasil kajian awal yang dibuat telah membuka ruang persoalan tentang tahap kesediaan pengajar untuk mengendalikan program KM ini serta sikap pelajar untuk mengikuti aktiviti yang dirancang. Dengan merujuk kepada isu ketidakhadiran pelajar yang melingkari permasalahan dalam program KM maka pengkaji berpendapat adalah wajar kajian lebih terperinci dijalankan dalam usaha merungkai masalah ini dengan memfokuskan kepada kesediaan pengajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap selain daripada sikap pelajar terhadap program ini.

1.4 Tujuan kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi menentukan tahap kesediaan pengajar dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengendalikan program KM serta menentukan tahap kesediaan pelajar dari segi sikap untuk mengikuti program KM di KKTM Beranang. Kajian juga akan menentukan perhubungan kesediaan pengetahuan dan kemahiran terhadap sikap pengajar selain daripada perbezaan kesediaan pelajar berdasarkan jantina untuk mengikuti program ini.

1.5 Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Untuk menentukan tahap kesediaan pengajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengendalikan program KM.
- (ii) Untuk menentukan tahap kesediaan pelajar dari segi sikap untuk mengikuti program KM.
- (iii) Untuk menentukan perhubungan tahap kesediaan pengajar dari segi pengetahuan dan kemahiran terhadap sikap untuk mengendalikan program KM.
- (iv) Untuk menentukan perbezaan tahap kesediaan pelajar mengikuti program KM dari segi jantina.

1.6 Soalan kajian

Persoalan kajian yang ingin dikupas oleh pengkaji seperti berikut:

- (i) Apakah tahap pengetahuan pengajar untuk mengendalikan program KM?

- (ii) Apakah tahap kemahiran pengajar untuk mengendalikan program KM?
- (iii) Apakah tahap kesediaan pengajar dari segi sikap untuk mengendalikan program KM?
- (iv) Apakah tahap kesediaan pelajar dari segi sikap untuk mengikuti program KM?
- (v) Adakah terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap kesediaan dari segi pengetahuan dan kemahiran pengajar berbanding sikap pengajar?
- (vi) Adakah wujud perbezaan yang signifikan terhadap tahap kesediaan pelajar untuk mengikuti program KM berdasarkan jantina?


1.7 Hipotesis kajian

Hipotesis kajian yang diwujudkan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk menjawab persoalan kajian kelima dan keenam yang dikemukakan. Hipotesis kajian yang dibentuk adalah seperti berikut:

- H_{O1} : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap kesediaan pengajar dari aspek pengetahuan terhadap sikap pengajar untuk mengendali program KM.
- H_{O2} : Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara tahap kesediaan pengajar dari aspek kemahiran terhadap sikap pengajar untuk mengendali Program KM.
- H_{O3} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesediaan sikap pelajar untuk mengikuti program KM berdasarkan jantina.


1.8 Kerangka konsep kajian

Kerangka kajian ini dibentuk dan boleh diertikan sebagai pemandu arah bagi memudahkan pengkaji menjalankan kajian untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang diinginkan seperti yang dijelaskan dalam Rajah 1.2. Kerangka konsep kajian telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian merujuk kepada kerangka teori yang dipetik daripada Asha'ari (2005). Ia mengandungi tiga komponen utama iaitu inputnya terdiri dari pengajar dan pelajar yang mewakili komponen pertama. Komponen kedua merupakan proses yang mengandungi aspek kesediaan pengajar yang diukur dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap manakala untuk pelajar diukur dari segi sikap sahaja. Komponen terakhir dalam kerangka kajian ini pula ialah pengajar yang memiliki tahap kesediaan yang tinggi untuk mengendalikan program KM serta pelajar-pelajar yang mengamalkan sikap yang positif untuk mengikuti program berkenaan.



Rajah 1.2: Kerangka konsep kajian (Asha'ari, 2005)

Komponen utama kerangka konsep kajian terdiri dari dua sumber iaitu pengajar dan pelajar. Pengajar yang dimaksudkan didalam kajian ini ialah individu yang mengendalikan program KM sama ada dari kalangan pengajar teknikal ataupun pengajian am manakala pelajar pula terdiri dari pelajar yang sedang mengikuti pengajian di KKTMB Beranang tidak termasuk pelajar yang sedang mengikuti Latihan Industri. Komponen kedua merupakan kesediaan pengajar yang diukur dari tiga aspek iaitu pengetahuan yang memfokuskan kepada dua ciri iaitu pengetahuan pengajar tentang kandungan modul program KM dan pengetahuan tentang matlamat pembentukan program KM. Aspek kedua yang ingin dikaji terhadap pengajar ialah kesediaan dari segi kemahiran yang mana tumpuan diberikan kepada kemahiran pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan kemahiran untuk memilih bahan pengajaran. Manakala aspek terakhir ialah tahap kesediaan pengajar dari segi sikap dimana dalam aspek ini pengkaji memfokuskan kepada dua ciri iaitu minat yang tinggi untuk mengendalikan program KM serta kecenderungan pengajar untuk mengendalikan program ini. Selain daripada itu, dalam komponen kedua juga mengandungi aspek kesediaan pelajar yang diukur dari segi sikap dimana terdapat dua ciri iaitu minat yang tinggi untuk mengikuti program KM serta kecenderungan pelajar untuk mengikuti program ini. Komponen yang ketiga ialah pengajar yang mempunyai tahap kesediaan yang tinggi untuk mengendalikan program KM serta sikap pelajar yang positif untuk mengikuti program KM. Penerangan secara terperinci mengenai kerangka teori kajian yang menjelaskan ketiga-tiga komponen yang ingin dikaji ditunjukkan dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 : Penerangan Kerangka Konsep Kajian (Asha'ari, 2005)

1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini dijalankan bagi mendapatkan maklumat tahap kesediaan pengajar dan pelajar bertujuan untuk menambahbaik pelaksanaan program KM di KKTM Beranang. Maklumat daripada kajian ini sangat diperlukan oleh pihak pengurusan kolej kerana KKTM Beranang merupakan institusi latihan kemahiran MARA yang pertama menekankan soal penerapan budaya kerja Jepun. Ini dinyatakan dengan jelas didalam matlamat penubuhannya. Pengurusan KKTM Beranang tidak boleh berkompromi dalam isu ini kerana banyak agensi pelaksana Kerajaan Jepun menyedari bahawa penerapan budaya kerja Jepun merupakan antara matlamat utama yang ingin dicapai oleh KKTM Beranang. Secara tidak langsung ia melibatkan soal imej organisasi MARA secara amnya dan imej KKTM Beranang secara khususnya.

Memandang industri Elektrik dan Elektronik merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara maka peluang pekerjaan yang disediakan didalam sektor ini juga adalah tinggi. Oleh itu KKTM Beranang perlu merebut peluang ini selaras dengan keperluan tenaga mahir negara. Penekanan kepada soal disiplin dan peningkatan kualiti yang diamalkan oleh industri-industri Jepun telah diterimapakai oleh industri-industri yang dimiliki negara Barat. Ini bermakna kualiti pelajar yang dihasilkan bukan sahaja boleh memenuhi keperluan industri Jepun tetapi juga memenuhi keperluan industri negara Barat dan ini boleh meningkatkan lagi tahap keyakinan pihak industri terhadap kualiti kerja pelajar IKM dan KKTM.

Kejayaan KKTM Beranang menerapkan budaya kerja Jepun dikalangan pelajar-pelajarnya membolehkan Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA (BKT) mengaplikasikan program tersebut di IKM atau KKTM yang lain. Kejayaan yang dicapai bukan sahaja akan meningkatkan imej latihan kemahiran MARA tetapi juga memastikan matlamat penghantaran pengajar-pengajar mengikuti latihan di Jepun tercapai.

1.10 Skop kajian

Skop kajian ini akan menumpukan kepada proses mendapatkan maklumat mengenai tahap kesediaan pengajar dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap untuk mengendalikan program KM. Untuk menjelaskan tahap pengetahuan, pengkaji menumpukan kepada pengetahuan pengajar dari segi kefahaman terhadap matlamat program KM dan juga pengetahuan pengajar terhadap isi kandungan modul KM. Bagi tahap kemahiran pengajar, fokus akan diberikan kepada kemahiran pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran serta kemahiran untuk memilih bahan pengajaran. Manakala bagi menentukan sikap pengajar, pengkaji menumpukan kepada tahap minat dan kecenderungan pengajar untuk mengendalikan program ini. Selain daripada itu maklumat mengenai sikap pelajar dari aspek minat dan kecenderungan untuk mengikuti program yang dirancang juga akan dikaji.

1.11 Batasan kajian

Memandangkan aktiviti KM ini hanya dilaksanakan di KKTM Beranang maka penyelidikan ini hanya dijalankan di KKTM Beranang sahaja. Kajian hanya dilaksanakan keatas responden yang terdiri dari kalangan pengajar yang sedang berkhidmat dan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di KKTM Beranang. Terdapat dua masalah utama yang dijangkakan dalam kajian ini iaitu berkaitan dengan pengajar dan pelajar. Secara umumnya terdapat tiga kumpulan pengambilan pengajar yang akan dilantik untuk mengisi kekosongan jawatan yang diluluskan. Sehingga kini hanya dua kumpulan pengajar sahaja yang telah dilantik manakala baki seramai 45 orang masih lagi belum dilantik daripada jumlah keseluruhan perjawatan. Berdasarkan perancangan pengambilan staf, kesemua pengajar ini akan dihantar untuk menjalani latihan di Negara Jepun. Terdapat dua masalah yang mungkin timbul iaitu masalah peruntukan kewangan yang terhad akan menyebabkan

kumpulan ketiga pengajar tidak dapat dihantar menjalani latihan di Negara Jepun dan jika sekiranya mereka ini dihantar pada ketika kajian ini dijalankan maka bilangan pengajar yang dipilih menjadi responden akan berkurangan.

Isu kedua yang dikenalpasti ialah berkaitan dengan pelajar iaitu bilangan sampel yang dipilih mungkin tidak akan mencapai 300 orang. Ini adalah kerana masalah kekurangan pengambilan pelajar yang dihadapi oleh kebanyakan institusi latihan kemahiran awam. Namun begitu, pengurusan KKTMB Beranang telah merangka beberapa strategi bagi memastikan bilangan pelajar yang mendaftar dapat memenuhi kuota yang ditetapkan.

1.12 Definisi istilah

Untuk menerangkan dengan lebih terperinci istilah yang digunakan, maka pengkaji mengemukakan definisi-definisi yang merujuk kepada istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti berikut:

(i) Pengetahuan pengajar

Dalam kajian ini, pengetahuan pengajar akan diukur dari segi kefahaman mereka terhadap matlamat program KM. Selain daripada itu, pengetahuan mereka dari segi kefahaman terhadap kandungan modul juga akan diukur. Matlamat pengajaran dan kandungan modul perlu difahami oleh pengajar agar mereka dapat merangka suatu rekabentuk dan perancangan pengajaran yang baik bagi mengelakkan tersasar dari matlamat yang ditentukan.

(ii) Kemahiran pengajar

Aspek yang akan dikaji terhadap kesediaan pengajar dari segi kemahiran ialah keupayaan pengajar untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran. Ia juga akan menyentuh keupayaan pengajar untuk memilih bahan pengajaran yang sesuai dengan aktiviti yang dijalankan. Perkara ini penting bagi mengelakkan penyampaian yang statik dan secara tidak langsung akan menimbulkan rasa bosan dikalangan pelajar untuk mengikuti program atau aktiviti yang dirancang.

(iii) Sikap pengajar

Kesediaan pengajar dari segi sikap akan diukur dalam aspek minat pengajar untuk mengendalikan program KM serta kecenderungan pengajar untuk memastikan matlamat program KM tercapai melalui kaedah pengajaran yang paling berkesan. Kedua-dua ciri ini akan memberi satu petunjuk terhadap sikap pengajar untuk mengendalikan program KM.

(iv) Sikap pelajar

Kesediaan pelajar dari segi sikap akan diukur dalam aspek minat pelajar untuk mengikuti semua aktiviti yang dirancang dalam modul Program KM serta kecenderungan pelajar untuk memastikan aktiviti yang dirancang tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar. Kedua-dua ciri ini dikenalpasti boleh mempengaruhi sikap pelajar untuk menjayakan Program KM.

(v) *Kuoza Meeting*

Kuoza Meeting yang dimaksudkan didalam kajian ini merupakan satu program pembangunan sahsiah yang memfokuskan kepada penerapan budaya kerja Jepun di KKTM Beranang. Perlaksanaan adalah mengikut modul yang

dibangunkan dan berlandaskan kriteria kemahiran insaniah yang diperlukan oleh industri Jepun di Malaysia

(vi) Pelajar

Istilah pelajar yang digunakan didalam kajian ini adalah merujuk kepada individu yang telah menyempurnakan pendaftaran kursus dan sedang mengikuti program pengajian secara sepenuh masa di KKTM Beranang (BPLK, 2008). Mereka telah pun mengikuti sekurang-kurangnya satu modul KM. Mereka juga akan dipilih sebagai responden. Istilah pelajar ini tidak terpakai keatas pelajar-pelajar yang sedang mengikuti Latihan Industri dan juga pelajar yang telah menamatkan pengajian.

(vii) Pengajar

Pengajar yang dimaksudkan dalam kajian ini merupakan individu yang dilantik untuk melaksanakan aktiviti pengajaran dan sedang berkhidmat di KKTM Beranang serta terdiri dari *Kouza Head* (KH) dan *Sub Kouza Head* (SKH).

(viii) *Kuoza Head*

Istilah *Kuoza Head* (KH) yang digunakan didalam kajian ini merujuk kepada individu yang dilantik untuk mengetuai kumpulan *Kuoza* yang mana perlantikan sebagai KH ini dibuat secara automatik atas kapasiti sebagai Ketua Jabatan program berkenaan.

(ix) Sub *Kuoza Head*

Sub Kuoza Head (SKH) yang digunakan didalam kajian ini merujuk kepada pengajar yang dilantik oleh *KH* untuk mengetuai kumpulan-kumpulan kecil

Kuoza yang mana perlantikan sebagai SKH ini dibuat oleh KH atas persetujuan bersama dikalangan pengajar program berkenaan.

(x) *Sempai*

Istilah *sempai* yang digunakan didalam kajian ini adalah merujuk kepada pelajar-pelajar yang terlebih dahulu berdaftar dengan KKTM Beranang berbanding dengan pelajar-pelajar lain. Pelajar-pelajar ini juga sedang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di KKTM Beranang dalam semester yang lebih tinggi berbanding pelajar-pelajar lain.

(xi) *Kohai*

Istilah *kohai* yang digunakan didalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar yang lewat mendaftar dengan KKTM Beranang berbanding dengan pelajar-pelajar lain. Pelajar-pelajar ini juga sedang mengikuti pengajian secara sepenuh masa di KKTM Beranang dalam semester yang lebih rendah berbanding pelajar-pelajar lain.

1.13 Rumusan

Berdasarkan penerangan yang diberi, dapat dirumuskan bahawa penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar merupakan satu keperluan yang mesti dipenuhi oleh institusi latihan. Untuk itu, KKTM Beranang mempelopori pengwujudan program KM yang merupakan satu program pembangunan sikap yang ditekankan didalam kurikulum latihan KKTM Beranang. Ia memfokuskan kepada penerapan budaya kerja Jepun yang menjadi asas kepada penubuhan KKTM Beranang. Adalah diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pengurusan KKTM Beranang untuk menambahbaik pelaksanaan program ini.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang kajian-kajian lepas berserta teori-teori yang digunakan didalam bidang pendidikan untuk memperolehi maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dijalankan. Dalam kajian literatur ini, pengkaji akan membincangkan tentang tahap kesediaan pengajar untuk menjayakan program *Kouza Meeting* (KM). Selain daripada itu, pengkaji juga akan menerangkan tentang teori-teori dan kajian berkaitan sikap pelajar untuk mengikuti program KM. Penerangan tentang kepentingan industri Jepun kepada Malaysia serta keunikan masyarakat Jepun juga diterangkan melalui sistem hierarki bagi menjelaskan konsep program KM. Setiap topik telah diperincikan mengikut kesesuaian kajian untuk membolehkan pengkaji memahami dan menentukan skop kajian yang akan dijalankan.

2.2 Keperluan kepada bidang elektrik dan elektronik di Malaysia

Agenda untuk melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang kukuh dan dinamik memerlukan pendekatan baharu, sejajar dengan persekitaran global dan keutamaan negara pada masa kini. Dalam melaksanakan pendekatan ini, keputusan kritikal untuk membawa perubahan perlu diambil. Pelbagai perancangan yang diwujudkan dan dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha untuk melaksanakan misi penting ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. Berikutan itu, terdapat pelbagai dasar yang diwujudkan oleh kerajaan bagi membangunkan negara. Antara dasar yang dilancarkan adalah Dasar Pandang ke Timur yang menjelaskan tentang proses modenisasi negara, yang memerlukan Malaysia untuk beralih arah dan melihat ke Negara Timur (Korea dan Jepun) sebagai negara pilihan untuk membangunkan ekonomi Malaysia. Malaysia tidak perlu mengikut acuan yang diketengahkan oleh negara-negara Barat kerana persekitaran sosio budaya, kepelbagaian etnik dan bangsa serta perkembangan tamadun dan peradaban negara Barat didapati agak kurang sesuai dilaksanakan di negara ini. Malaysia juga tidak perlu terikat dengan dasar kolonialisasi oleh negara Barat.

Lanjutan dari itu, Malaysia telah melalui satu tempoh pertumbuhan ekonomi yang sangat menggalakkan ekoran dari perkembangan sektor industri (RMK10, 2010). Perkembangan pesat sektor industri di Malaysia telah menyebabkan permintaan tenaga kerja meningkat dengan mendadak. Ini dapat dilihat dalam perangkaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia setiap tahun. Disebabkan permintaan tenaga kerja berkemahiran tinggi telah meningkat maka sektor latihan kemahiran telah mula mendapat tempat dan diberi perhatian serius oleh kerajaan. Ini adalah kerana kemahiran dan kekuatan tenaga kerja merupakan tonggak kepada kejayaan sesebuah organisasi. Terdapat banyak teori-teori pengurusan organisasi yang menekankan tentang kepentingan membangunkan sumber manusia. Kemahiran, kekuatan dan pengetahuan yang tinggi ini hanya boleh diperolehi melalui tahap pendidikan yang baik

Berdasarkan kertas konsep penubuhan KKTM Beranang yang disediakan oleh perunding teknologi telah memetik laporan yang dikeluarkan oleh *Japan Federation of Economic Organization* (2004) menunjukkan bahawa terdapat 22 kriteria pekerja yang diperlukan oleh industri Jepun. Daripada kriteria-kriteria yang digariskan tersebut, kriteria yang bersifat *softskills* amat ditekankan oleh industri. Tidak dapat dinafikan bahawa etika dan disiplin kerja yang tinggi menjadi tonggak kepada sistem pengurusan kualiti yang dipelopori dan diamalkan oleh syarikat Jepun antara penyebab utama penguasaan Jepun dalam bidang elektrik & elektronik (E&E). Maka dengan itu syarikat-syarikat dari negara Barat menyedari tentang kepentingan mengamalkan budaya kerja Jepun dalam organisasi mereka dan secara tidak langsung mereka telah dipaksa untuk menerima budaya pengurusan kualiti masyarakat Jepun. Oleh kerana itu, Malaysia tidak boleh menafikan kepentingan untuk menguasai dan memiliki disiplin kerja yang tinggi yang dipelopori oleh orang Jepun. Ciri-ciri *softskill* yang dikehendaki ini perlu dimasukkan ke dalam kurikulum latihan untuk membolehkan pelajar-pelajar memiliki disiplin kerja yang tinggi yang sememangnya terkenal di kalangan masyarakat Jepun seterusnya dapat mengatasi persaingan dan cabaran yang mendatang.

Negara Jepun merupakan negara yang sinonim dengan industri elektronik. Pasaran produk elektronik Jepun menguasai hampir kesemua Negara di dunia ini. Di Malaysia, negara Jepun merupakan antara pelabur yang menduduki senarai 10 pelabur utama Malaysia. Berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan kerajaan khususnya oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, jumlah pelaburan asing di Malaysia bagi Jan-Jun 2010 adalah hampir RM1.2 billion dimana pelaburan dari syarikat Jepun hampir RM700 juta.

Selain daripada itu, mengikut laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan melalui Pelan Transformasi Ekonomi (2010) menunjukkan bahawa sektor E&E merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Negara dengan perkiraan pendapatan kasar negara sebanyak RM37 billion (GNI). Sebanyak 522,000 peluang pekerjaan disediakan dalam bidang ini dan sektor ini mewakili 41% daripada jumlah eksport Malaysia bagi tahun 2009. Memandangkan sektor E&E merupakan sektor utama pendapatan negara, dengan itu kerajaan telah menetapkan sasaran pendapatan bagi

sektor E&E akan meningkatkan menjadi RM90 billion dengan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 157,000 jawatan menjelang tahun 2020.

Perkembangan industri pada masa kini menunjukkan bahawa majikan tidak hanya mementingkan kemahiran teknikal atau akademik semata-mata sahaja tetapi juga lebih utamanya kepada kemahiran insaniah atau *softskills*. Justeru itu, sebagai sebuah institusi pendidikan, keupayaan untuk memenuhi kehendak industri adalah sesuatu yang amat penting. Ini adalah kerana majikan akan mendapat faedah dari para pekerja yang menepati kehendak dan keperluan bidang kerja yang ditawarkan. Lantaran itu bermakna majikan akan memperoleh keuntungan dari pekerja yang berkemahiran dan mempunyai ciri-ciri kemahiran insaniah yang berkualiti. Ciri-ciri pekerja yang diperlukan ini boleh memberi kesan keatas kos operasi syarikat dimana majikan tidak perlu menyediakan latihan asas kepada pekerja-pekerjanya yang baru dilantik.

2.3 Kolej Kemahiran Tinggi MARA Beranang

Adalah tepat sekali bahawa institusi latihan kemahiran perlu memberi pendedahan yang secukupnya kepada pelajar serta perlu meneroka program-program baru yang lebih menyakinkan pelajar bahawa bidang yang di pilih dapat memenuhi peluang pekerjaan yang luas dan terjamin serta diterima baik oleh industri. Kolej Kemahiran Tinggi MARA Beranang (KKTM Beranang) merupakan sebuah institusi latihan kemahiran yang bernaung dibawah pengurusan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dengan idea penubuhannya dicetuskan melalui projek dibawah Rancangan Malaysia ke Tujuh. KKTM Beranang telah memulakan operasi pentadbiran pada Julai 2008 dan operasi akademik pada Januari 2009 dengan pengambilan pertama pelajar seramai 64 orang. Sebanyak lima program berteraskan bidang elektronik pada tahap diploma kejuruteraan ditawarkan di KKTM Beranang. Penubuhan KKTM Beranang adalah sejajar dengan matlamat untuk melahirkan tenaga kerja semi-profesional bagi industri elektrik dan elektronik di Malaysia. Selain daripada itu, penerapan budaya

kerja masyarakat Jepun menjadi satu elemen utama dalam pembentukan program yang ditawarkan di KKTM Beranang. Penubuhan KKTM Beranang adalah unik kerana ia merupakan satu-satunya institusi latihan kemahiran MARA yang menekankan penerapan budaya kerja Jepun dalam kurikulum latihan. Ini dapat dilihat dalam objektif penubuhan KKTM Beranang seperti berikut:

- (i) Menghasilkan para pelajar yang berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan elektronik.
- (ii) Menerapkan nilai-nilai dan amalan budaya kerja Jepun dikalangan pelajar.
- (iii) Menghasilkan pelajar-pelajar yang memiliki ciri-ciri keusahawanan.

Sebagai sebuah institusi latihan kemahiran yang prihatin terhadap perkembangan kerjaya pelajar, KKTM Beranang telah menyediakan peluang kerjaya yang luas untuk pelajar selepas mereka mengikuti pengajian di sini. Sebaik menamatkan pengajian, pelajar berpeluang untuk bekerja samada di sektor swasta terutamanya sektor yang berkaitan dengan bidang elektronik. Mereka juga boleh diterima berkhidmat dalam sektor awam memandangkan persijilan yang dikeluarkan telah diiktiraf oleh agensi akreditasi dan pengiktirafan di Malaysia. Pelajar yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan boleh berbuat demikian melalui program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh KKTM Beranang memandangkan bidang keusahawanan merupakan salah satu teras perkhidmatan utama MARA. Pelajar-pelajar yang cemerlang dalam pengajian pula berpeluang untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi samada di institusi pendidikan di dalam dan luar negara melalui kolaborasi yang sedia terjalin antara KKTM Beranang dengan institusi-institusi berkenaan.

2.4 Kesedaran kumpulan dalam masyarakat Jepun melalui konsep *sempai-kohai*

Menurut Roger & Ikeno (2002), hubungan manusia dapat diklasifikasikan kepada dua bentuk hierarki iaitu hierarki menegak (*vertical*) dan hierarki mendatar (*horizontal*). Hierarki menegak merangkumi hubungan antara orang dewasa dan anak-anak atau golongan remaja, sedangkan hierarki mendatar melibatkan rakan sekelas atau rakan sekerja. Dalam masyarakat Jepun, hubungan dalam hierarki menegak telah berkembang dan menjadi begitu penting serta menjadi satu kelaziman dalam organisasi di negara Jepun berbanding sistem hierarki mendatar. Ini bermakna hubungan hierarki menegak mendominasi sebahagian besar dalam sistem kekananan terhadap masyarakat Jepun. Sistem hierarki menegak mempunyai perkaitan dengan hubungan *sempai-kohai*. Kumpulan pekerja atau pelajar kanan atau 'senior' dikenali sebagai 'sem-pai', yang mana ia merujuk kepada individu yang lebih berpengalaman atau unggul dalam kemampuan. Dalam Bahasa Jepun kontemporari, *sempai* juga digunakan untuk merujuk kepada mereka yang menamatkan pengajian terlebih dahulu dari sekolah yang sama. Perkataan 'Ko-hai' adalah berlawanan dari *sempai* dimana 'ko' bererti nanti atau sesudahnya dan 'hai' menandakan sesama atau pasangan. Jadi orang-orang yang muda atau yang baru menyertai kumpulan atau sekolah yang sama atau syarikat disebut *Kohai* dan dianggap akan kalah dengan *sempai* kerana kurangnya pengalaman.

Di Jepun, masyarakat lebih menekankan orientasi kumpulan dan lebih mengutamakan keharmonian kumpulan berbanding individu. Kebanyakan orang Jepun menganggapnya sebagai suatu perkara yang penting untuk mematuhi nilai-nilai kumpulan dari mana mereka berasal. Kesetiaan kepada kumpulan menghasilkan perasaan perpaduan dan konsep pemikiran mereka yang mendasari kesedaran kumpulan dapat dilihat dengan jelas dalam pelbagai aspek kehidupan. Di Jepun, anggota kumpulan membuat kod etika mereka sendiri tentang perilaku sosial dan kesedaran kumpulan telah menjadi satu asas dalam pembentukan masyarakat Jepun. Perkembangan komunikasi bukan lisan dan penekanan pada konsep harmoni

mempunyai pengaruh terhadap kesadaran kumpulan dalam masyarakat Jepun. Masyarakat Jepun berpendapat, kadang-kadang pertuturan tidak diperlukan dan tindakan berdiam diri dianggap sebagai suatu cara berkomunikasi. Mereka berpendapat pertuturan yang berlebihan boleh menyinggung perasaan orang lain dan ini boleh menggugat suasana harmoni dalam kumpulan berkenaan.

2.4.1 Sistem *Kouza*

Istilah '*kou*' (dalam tafsiran bahasa Jepun-*KANJI*) membawa makna belajar bersama-sama atau perkara yang berkaitan dengan pembelajaran manakala '*za*' maksud duduk. Istilah '*Kouza*' boleh ditakrifkan sebagai duduk dan belajar atau bekerja secara bersama-sama. Istilah *Kouza* ini sudah cukup menggambarkan bahawa masyarakat Jepun amat menitikberatkan semangat kerja berpasukan. Menurut Whitley & Glaser (2007), sistem *Kouza* adalah merupakan suatu unit organisasi yang paling asas dalam di universiti-universiti Negara Jepun. Ia dipelopori dari model sistem kerusi profesor di universiti negara Jerman pada awal abad ke-20. Sesuatu kumpulan *Kouza* biasanya terdiri dari seorang profesor, ketua makmal, seorang pembantu (*kyouju-jo*) yang biasanya dikenalpasti sebagai calon untuk mewarisi kepimpinan makmal ketika profesor tersebut bersara dan seorang pembantu (*Joshu*). Pada kebiasaannya kumpulan *Kouza* ini akan mengadakan pertemuan di suatu makmal atau ruang yang dikhususkan kepada mereka. Jadi kemudahan makmal atau ruang tersebut berada di bawah kawalan *Kouza Head*. Permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi tujuan penyelidikan oleh ahli baru *Kouza* (*Kohai*) akan ditentukan dan dikawalselia oleh *Kouza Head*. Secara umumnya operasi *Kouza Group* ini adalah berasaskan kepada sistem hierarki yang menekankan hubungan *sempai-kohai*.

RUJUKAN

- Abd.Rahman, M.A. & Kamari, A. (2011). *Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Guru Penyelaras ICT Di Sekolah-Sekolah Rendah Zon Paloh, Kluang*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. pp. 1-9. (Tidak diterbitkan). Dicapai pada Disember 6, 2011, dari <http://eprints.utm.my/11857/1/Pengetahuan>
- Abd. Rashid, A.R. (2006). *Agenda Perubahan Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd. Rashid, A.R., Hussin, S. & Othman, A.J. (2006). *Hala tuju pengurusan : sumber manusia dan kerjaya*. Siri pengurusan sumber manusia & kerjaya. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Ghafar, M.N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Rashid, A.R., Abdul Talib, A.A., Md Din, A.G. & Haron, M. (1992). *Panduan latihan mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu, B., Md Johan, O., Syed Mansor, S.M. & Jaafar, H. (2007). *Kepelbagaian Gaya Pembelajaran dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti di Fakulti Pendidikan, UTM Johor*. *Jabatan Asas Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Research Vote No : 71881.
- Adeyemo, D.A. (2005). Parental Involvement Interest in Schooling and School Environment as predictors of Academic Self-efficacy among fresh Secondary School Student in Oyo State, Nigeria. *Electronic Journal of Research in Educational Psychology*.
- Ahmad, A., Abd Rahman, S.H. & T. Abdullah, N.A. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1) (2009).
- Alsagoff, S.A.(1983). *Ilmu Pendidikan: Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinmann Asia.
- Ambigapathy, P. (2001). *Technology and English Literacy in the Malaysian Classroom dalam Technologies of Learning: Learning Through and about the new information technologies* . Edited 2001. Australia: Common Ground Publishing.

- Arbaa, R., Jamil, H. & Abd Razak, N. (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2)(2010).
- Asha'ari, N.L. (2005). *Keterampilan sosial dikalangan pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di Negeri Melaka*. Fakulti Pendidikan Teknikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Asikhia, O.A. (2010). Students and Teachers' Perception of the Causes of Poor Academic Performance in Ogun State Secondary Schools [Nigeria]: Implications for Counselling for National Development. *European Journal of Social Sciences: EuroJournals Publishing Inc. Volume 13, Number 2*.
- Baharu, K. (1994). *Orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia*. Universiti Utara Malaysia: Tesis sarjana pengurusan (Tidak diterbitkan).
- Baker, C. (1994). *Attitude and Language*. Clevedon: Multilingual Matters Ltd.
- Bahagian Pendidikan dan Latihan Kemahiran MARA (2008). *Buku Peraturan Akademik Program Diploma*. Edisi 2. Cawangan Pengajian: BPLK MARA.
- Buang, N.A, & Yap, P.M. (2002). Kesiediaan Guru-guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan Dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Universiti Teknologi Malaysia Jurnal Teknologi*, 37(E) Dis.2002, 1-16.
- Che Abd Rahman, A.S. (2007). *Pengetahuan Kandungan dan Pedagogi Guru Pendidikan Moral Tingkatan Empat di Sebuah Sekolah*. Universiti Malaya: Tesis Ph.D.
- Ee, A.M. (1995). *Murid dan Proses Pembelajaran Asas Pendidikan 2*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Ee, A.M. (1997). *Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Good, T (1983). *Research on classroom teaching*. Dlm Shulman, L.S. & Sykes, G. (Ed.). *Handbook of teaching and policy*. New York: Longman.

- Hamdan, A.R., & Mohd Said, N.A. (2010). *Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Kuantan*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia: pp. 1-9. (Tidak diterbitkan). Dicapai pada Disember 7, 2011 dari http://eprints.utm.my/11555/1/Kesediaan_Pelajar_Mempelajari_Mata_Pelajaran_Pengajian_Kejuruteraan_Awam_Di_Sekolah_Menengah_Teknik_Kuantan.pdf
- Hamdan, A.R., Sihes, A.J., Ramli, J. & Ismail, M. (2006). *Tahap Minat, Pengetahuan dan Kemahiran, Latihan Guru Dan Beban Tugas Guru Program Pemulihan Khas Sekolah Kebangsaan Daerah Pontian, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. (Tidak diterbitkan). Dicapai pada Disember 21, 2011 dari http://eprints.utm.my/2231/1/_7.pdf
- Haruzuan, M.N. & Ibrahim, N.A. (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Matapelajaran Analisis Nyata Pelajar Tahun Akhir SPT Dan SPM. *Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, pp. 1-9. (Tidak diterbitkan). Dicapai pada Disember 19, 2011 dari <http://eprints.utm.my/12007/1/Faktor.pdf>
- Hashim, S. & Yaakob, R. (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Shah Alam: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hashweh, M. Z. (1985). *An exploratory study of teacher knowledge and teaching: the effects of Science Teacher's knowledge of subject-matter and their conceptions of learning on their teaching*. Stanford University. Stanford. CA: Disertasi Ph.D. (Tidak diterbitkan).
- Hassan, A.F. (2001). *Penggunaan Minda Secara Optimum Dalam Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hassan, J. & Ab Aziz, N. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Terhadap Matematik Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan. pp. 1-7. Dicapai pada Disember 6, 2011, dari <http://eprints.utm.my/11972/1/Faktor.pdf>
- Hussain, S. (2005). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Idris, N. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ismail, A. & Ibrahim, N.I. (2010). Motivasi latihan sebagai pembolehubah penghubung antara program latihan dan keberkesanan latihan. *Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia Universiti Malaysia Sarawak, Jurnal Kemanusiaan Bil.16, Dis 2010*.

- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Malaysia: Unit Perancang Ekonomi.
- Jabatan Perdana Menteri. (2010). *Ringkasan Eksekutif Program Transformasi Ekonomi: A roadmap for Malaysia*. Malaysia: Performance Management and Delivery Unit.
- Japan Federation of Economic Organization. (2004). *Critical Ability or Achievement To Be Acquired by Companies*. Kuala Lumpur: Japan Federation of Economic Organization.
- Johnston, J. (1997). *Measuring Attitudes in Science: What Exactly are we Measuring and Why ?*. Kertas kerja dibentangkan di BERA.
- Kamarudin, A. (2005). *Tahap Kesiediaan Guru Pelatih Terhadap Pengajaran Kemahiran Amali Di Bengkel Kejuruteraan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Kamus Dewan. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kenit, S.(2007). *Faktor-Faktor Kekangan Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Lima Buah Sekolah Menengah Akademik Harian di Daerah Johor Bahru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Koballa, T.R. & Crawley, F.E. (1985). *The influence of attitude on science teaching and learning*. School Science and Mathematics. Vol. 85 (3), 222-232.
- Konting, M.M. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W.(1970). *Determining sample size for research activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Loh, Y.N. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran kejuruteraan elektrik*. Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia: Tesis Sarjana.
- Long, A. (1982). *Pedagogi Kaedah Am Mengajar*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Long, A.(1998). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Loose, G. (2001). The interface between institutional training and the private sector : dual by forming partnership to train K-worker for Malaysia's economy. *International Conference On Technology and Vocational Technical Education*.

- M. Ali, A.R. (2001). *Ilmu Pendidikan DPM: Pendidikan di Malaysia dan Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Margapandu, M.M. (2003). Kajian Tahap Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Terhadap Senaman Di Kalangan Guru-Guru Pelatih Wanita Maktab Perguruan Sandakan, Sabah. *Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003*. Maktab Perguruan Sandakan. Kod kertas TE10.
- Masri, S. (1996). *Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Md Nujid, M. (2004). *Persepsi pelajar terhadap kompetensi pensyarah dalam pengajaran: Satu tinjauan di sebuah institut latihan*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Mohd Atan, R. & Noodin, S. (2007). Hubungan antara sikap dengan pencapaian pelajar tingkatan empat dalam tajuk daya. *Universiti Teknologi Malaysia. Jurnal Pendidikan, Fakulti Pendidikan UTM*, Jilid 12 Oktober 2007.
- Mohd Faiz, N.S., Mohamed, M. & Zahit, R. (2006). Gaya pembelajaran pelajar cemerlang – satu kajian dalam membantu meningkatkan kualiti pembelajaran. *Prosiding seminar kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional Disember 2006*. Fakulti Pendidikan Teknikal Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Mohidin, R., Jaidi, J., Lim, T.S. & Osman, Z. (2009). Effective Teaching Methods and Lecturer Characteristics a Study on Accounting Students at Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Malaysia European Journal of Social Science*, Volume 8, Number 1 (2009).
- Omar, B., Kamaruddin, K. & Mamat, N. (2002). *Faktor Kecemerlangan dan Kemunduran Pelajar di Sekolah Menengah dalam Matematik: Satu Tinjauan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman, Y. (2005). *Trend dalam Pengajaran Bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Quek. (2005). Learning For The Workplace: A Case Study In Graduate Employees Generic Competencies. *Journal of Workplace Learning*. p-17.
- Ramli, A.R., Ibrahim, A., Che A. Rahman, M.N. & Endut, A. (2007). Program Ketrampilan Graduan Untuk Pelajar Universiti Darul Iman Malaysia Tahun 2007. *Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi 2007*, 12-14 Disember 2007 Hotel Palace of the Golden Horses, Seri Kembangan, Selangor.
- Reiser & Dick.(1996). *Instructional Plainning: A Guide for Teachers*. Needham Heights, Massachusetts : Allyn and Bacon.

- Roger, J. D. & Ikeno, O. (2002). *The Japanese mind: Understanding contemporary Japanese culture*. United State: Tuttle Publishing.
- Royo, M.A. & Mahmood, H. (2011). Faktor-Faktor Kelemahan Yang Mempengaruhi Pencapaian Cemerlang Dalam Mata Pelajaran Reka Cipta. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, *Journal of Educational Psychology and Counseling Volume 2, Jun 2011*, Pages 145-174/ ISSN: 2231-735X.
- Rowe, K.J. (2002) . *The Importance of Teacher Quality*. www.cis.org.au. 10 Mei 2012.
- Sears, D.O. & Peplan L.A. (1988). *Social Psychology* .(6th ed.). New Jersey: Prentice Hall.
- Shulman, L.S. & Grossman, P.L. (1988). *The intern teacher case book*. San Francisco: Far Wets Laboratory for Educational Research and Development.
- Sidek, R.Z.S. & Abu Bakar, N. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tahun akhir terhadap bidang keusahawanan di UTM*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. pp. 1-10. (Tidak diterbitkan). Dicapai pada Disember 7, 2011, dari http://eprints.utm.my//11659/1/Faktor_%E2%80%93_Faktor_Yang_Mempengaruhi_Minat_Pelajar_Tahun_Akhir_Terhadap_Bidang_Keusahawanan_Di_UTM.pdf
- Sidin, R. (1988). *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Perpustakaan Negara Malaysia. Harvard Educational Review 57(1).
- Siraj, S., Ishak, Z. & Tunku Mokhtar, T.M. (1996). *Motivasi Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn Bhd.
- Stanley & Hopkins. (1990). *Educational Psychology*. USA: MacMillan College Publishing.
- Tang, K.N. (2006). Tahap kesediaan pengurusan teknologi maklumat guru terhadap kepimpinan pengajaran di bilik darjah. *Prosiding seminar kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional Disember 2006*: Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Yusoff, T.S. (2004). *Masalah minat pelajar-pelajar tahun 6 dan pendekatan guru terhadap soalan penyelesaian masalah bagi mata pelajaran matematik : Satu tinjauan di sekolah kebangsaan Kubang Kerian 1 Di Negeri Kelantan*. Fakulti Sains dan Teknologi Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tesis Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian Matematik.
- Whitley, R. & Glaser, J. (2007). *The changing governance of the sciences: The advent of research evaluation systems*. *Sociology of the sciences yearbook* 26. Netherland: Springer Science Business Media BV.

- Wiersma, W.(1995). *Research Method in Education: An Introduction*. ED London: Ally and Bacon.
- Wodi, S. W. & Dokubo, A. (2009). Comparative Analysis of Student's Interest on Curriculum Development in Nigeria. *European Journal of Scientific Research: EuroJournals Publishing Inc.*
- Yahaya, A.S. (2005). *Mengurus Sekolah*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Yara, P.O. (2009). Students Attitude Towards Mathematics and Academic Achievement in Some Selected Secondary Schools in Southwestern Nigeria. *European Journal of Scientific Research: EuroJournals Publishing Inc.*
- Yassin, M. (2011). *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.